

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2010/2011**

NAMA KURSUS	:	SOSIOLOGI PENDIDIKAN
KOD KURSUS	:	DBE 2222
PROGRAM	:	DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM SERTA PENDIDIKAN
TARIKH PEPERIKSAAN	:	NOVEMBER / DISEMBER 2010
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN DI BAHAGIAN A DAN DUA SOALAN DI BAHAGIAN B

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A

- S1 Manakah yang lebih tepat mengenai sosiologi?
- A Sosiologi ialah bidang yang melakukan kajian secara sistematik tentang masyarakat dan tingkah laku atau pergaulan manusia dalam masyarakat tersebut.
 - B Sosiologi ialah bidang yang mengenalpasti kaedah penyelidikan yang saintifik untuk komponen masyarakat yang tertentu.
 - C Sosiologi ialah bidang yang mengkaji tingkahlaku manusia dengan persekitarannya.
 - D Sosiologi ialah bidang yang melakukan analisis ke atas hasil dapatan sesuatu kajian secara empirikal.
- S2 Tujuan penyelidikan dalam bidang sosiologi ialah
- A mengembangkan potensi diri.
 - B mengukuhkan saling hubungan antara ahli-ahli masyarakat.
 - C melahirkan individu-individu yang berketrampilan memimpin.
 - D membimbing masyarakat berfikiran bijaksana.
- S3 Mengikut pengertian sosiologi, ketidaksamaan dalam pendidikan lebih tepat merujuk secara keseluruhan kepada
- A tidak diberi peluang untuk bersaing.
 - B tidak mendapat ganjaran sosial yang sama.
 - C tidak terlibat dalam perbincangan.
 - D tidak diterima sebagai ahli komuniti.
- S4 Pengertian sosiologi menurut gabungan perkataan Yunani dan Roman ialah
- A tingkahlaku mengenai masyarakat.
 - B aktiviti sosial dalam masyarakat.
 - C pengetahuan mengenai masyarakat.
 - D pendidikan dalam masyarakat.
- S5 Universiti pertama di Malaysia yang memperkenalkan bidang sosiologi ialah
- A Universiti Kebangsaan Malaysia.
 - B Universiti Malaya.
 - C Universiti Sains Malaysia.
 - D Universiti Pertanian Malaysia.
- S6 Aguste Comte digelar *The father of Sociology* kerana sumbangannya memperkenalkan perkataan sosiologi dalam bukunya yang berjudul

- A *The Sociology.*
 B *The Principles of Sociology.*
 C *Cours de Philosophie Positive.*
 D *Descriptive Positive Sociology.*
- S7 Karyanya yang terkenal ialah *The Sociology of Hinduism and Buddhism*. Beliau juga berminat dalam politik dan menjadi ahli dalam Parti Demokratik Jerman. Tokoh yang dimaksudkan ialah
- A Herbert Spencer.
 B Max Weber.
 C Auguste Comte.
 D Karl Marx.
- S8 Teori ini mempengaruhi sosiologi moden Amerika seperti Talcott Parson dan Robert K. Merton.
- A Teori Fungsionalisme.
 B Teori Konflik.
 C Teori Interaksionisme.
 D Teori Positivisme.
- S9 Berikut adalah pernyataan yang benar mengenai susun lapis kelas sosial kecuali
- A Golongan atasan – terdiri daripada orang kaya dan ahli korporat.
 B Pertengahan atasan – terdiri daripada orang yang mempunyai pendidikan tinggi dan profesional.
 C Kelas pertengahan bawah – terdiri daripada golongan yang bekerja dengan kemahiran tangan.
 D Golongan bawahan – terdiri dari golongan yang berpendapatan rendah dan dianggap miskin.
- S10 Konsep *Law of Human Progress* yang diperkenalkan oleh Auguste Comte mempunyai tiga peringkat utama. Peringkat-peringkat tersebut disenaraikan di bawah kecuali
- A peringkat keagamaan.
 B peringkat sosial.
 C peringkat metafizik.
 D peringkat saintifik.
- S11 Susun lapis sosial wujud apabila terdapat perbezaan kedudukan dalam masyarakat berdasarkan aspek berikut, kecuali

- A cara hidup.
 - B status.
 - C ekonomi.
 - D keturunan.
- S12 Contoh fenomena kehidupan manusia dalam kumpulan adalah seperti berikut
- A adat, resam, tradisi dan nilai.
 - B undang-undang, adat, resam dan tradisi.
 - C peraturan, undang-undang, adat dan resam.
 - D kepercayaan, peraturan, undang-undang dan adat.
- S13 Matlamat utama teori fungsionalisme ialah
- A mengkaji bagaimana setiap struktur sistem berfungsi dan menyumbangkan kepada keseimbangan sistem sosial.
 - B mengkaji bila dan siapa yang berfungsi di dalam sesuatu tugas.
 - C mengkaji apa yang dilakukan semasa sesuatu penemuan ahli masyarakat.
 - D mengkaji interaksi secara tidak nyata di antara komuniti yang pelbagai.
- S14 Pilih aplikasi teori konflik yang tidak tepat.
- A Perubahan sosial menyebabkan perjuangan.
 - B Masyarakat sentiasa berubah dan konflik berterusan.
 - C Yang berkuasa memaksa yang lemah.
 - D Setiap konflik timbul tidak mewujudkan kelompok baru.
- S15 Pengagihan kuasa dan peluang yang tidak seimbang menyebabkan terjadinya perbezaan kelas. Tokoh penting yang mengeluarkan kenyataan ini ialah
- A Herbert Spencer.
 - B Karl Marx.
 - C Max Weber.
 - D Aguste Comte.
- S16 Pramusaji di restoran Primura telah dilangkapi dengan bahasa isyarat untuk berkomunikasi semasa operasi. Sekiranya anda ingin mengkaji tahap keberkesanan komunikasi ini, pendekatan teori yang paling sesuai ialah
- A teori fungsionalisme.
 - B teori interaksionisme.
 - C teori konflik.
 - D teori mikro.

- S17 Sebarang tindakan seseorang yang menentukan tindakan orang lain dan tingkahlaku ini dikawal oleh interaksi antara manusia dan dipengaruhi oleh tindakan dan ekspektasi orang lain merujuk kepada
- A kawalan sosial.
 - B interaksi sosial.
 - C mobiliti sosial.
 - D perubahan sosial.
- S18 Contoh paling sesuai mengenai perspektif interaksionisme dalam organisasi pendidikan ialah
- A kekananan guru dihormati.
 - B mematuhi arahan pengetua.
 - C peranan guru disiplin dan guru bimbingan.
 - D peranan ibu bapa terhadap kemajuan pendidikan pelajar.
- S19 Brookover dalam buku *Sociology of Education* mengatakan sosiologi pendidikan ialah
- A kajian organisasi dalam pendidikan.
 - B kajian tentang kumpulan-kumpulan pelajar dalam sistem persekolahan.
 - C kajian saintifik tentang proses dan pola masyarakat dalam sistem pendidikan.
 - D kajian tentang perhubungan pendidikan dengan institusi pendidikan.
- S20 "Satu kumpulan tempatan dan orang-orang di dalam kumpulan ini akan melakukan keseluruhan aktiviti hidup sepenuhnya". Pernyataan ini merujuk kepada
- A masyarakat.
 - B institusi.
 - C komuniti.
 - D bangsa.
- S21 Pilih kenyataan yang tidak tepat.
- A Sekolah Pencepatan ialah satu daripada konsep sekolah berkesan.
 - B Sekolah Bestari ialah sejenis sekolah bertaraf elit di Malaysia.
 - C Sekolah berkesan di Taman Shamelin Perkasa Cheras terletak di tanah seluas 12.63 hektar.
 - D Sekolah Bestari juga dipanggil *smart school*.
- S22 Pelajar 2BTM telah melakukan gotong royong membersihkan kelas dan saling tolong menolong antara satu sama lain. Situasi ini sesuai digambarkan sebagai
- A nilai.
 - B norma.
 - C mores.
 - D adat.

- S23 MUET merujuk kepada
- A Malaysia Undergraduate English Test.
 - B Malaysia Uniform English Test.
 - C Malaysia University English Test
 - D Malaysia Unanimous English Test.
- S24 Pernyataan yang paling tepat mengenai budaya sekolah ialah
- A cara hidup di sekolah yang mengarah kepada pencapaian matlamat rasmi.
 - B cara guru mengajar pelajar seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.
 - C cara pelajar menerima pelajaran guru.
 - D tugas masyarakat memantau aktiviti sekolah.
- S25 Di dalam sebuah sekolah menengah luar bandar, siapakah yang bertanggungjawab untuk membuat keputusan mengenai hal sekolah tersebut?
- A Pejabat Pendidikan Daerah.
 - B Jawatankuasa Pengurusan Sekolah.
 - C Pengetua.
 - D Guru.
- S26 Kurikulum Formal ialah
- A kurikulum yang nyata di dalam bilik darjah.
 - B kurikulum yang nyata di luar bilik darjah.
 - C kurikulum yang nyata di dalam dan di luar bilik darjah.
 - D kurikulum yang nyata dan tersembunyi yang berlaku di dalam dan di luar bilik darjah.
- S27 Mengikut pandangan sesetengah orang, Kurikulum Tersembunyi mempunyai unsur 5 M, iaitu
- A mengejut, memanjang, membawa kesan, meneliti, menganalisis.
 - B membaca, menulis, menghafal, mengingat.
 - C menerima, menurut, mematuhi, menilai, menghayati.
 - D memilih, mengenal, menilai, mengingat, menghayati.
- S28 Berikut merupakan ciri-ciri guru profesional kecuali
- A jujur, ikhlas dan memegang konsep iaitu pekerjaan sebagai satu ibadat.
 - B sentiasa mengekalkan prestasi pengajaran di takuk lama.
 - C sebagai fasilitator, pakar rujuk dan penyelidik yang aktif.
 - D menjadi anggota pertubuhan guru.

- S29 Aspek hubungan sosial di kalangan guru, dan juga kepuasan hati tentang pencapaian kerja yang bermutu tinggi tidak ada dalam iklim ini. Iklim ini merujuk kepada
- A iklim tertutup.
 - B iklim biasa.
 - C iklim berautonomi.
 - D iklim kebapaan.
- S30 Ahli pendidikan seperti Edmonds (1979) dan Duke (1987) mengatakan keberkesanan sesebuah sekolah bergantung kepada
- A penglibatan dan penumpuan pengetua sekolah.
 - B penghasilan dan pengusahaan pengetua sekolah.
 - C pengurusan dan pentadbiran pengetua sekolah.
 - D perhubungan pengetua dengan ahli politik.
- S31 Meritokrasi merujuk kepada sistem yang menggalakkan individu yang berkebolehan dipilih dan dibantu berdasarkan yang dimiliki oleh mereka.
- A latar belakang Status Ekonomi Sosial (SES)
 - B penglibatan dalam Khidmat Negara
 - C pencapaian
 - D kecenderungan sikap
- S32 Bagi menghasilkan tenaga rakyat yang bermutu untuk pembangunan negara melalui pendidikan, perkara yang paling utama diberikan perhatian ialah
- A tenaga pengajar.
 - B kemudahan prasarana.
 - C kurikulum.
 - D penglibatan ibu bapa.
- S33 Masyarakat di luar bandar perlu dibantu untuk cemerlang dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional kerana faktor
- A pendapatan mereka rendah.
 - B keupayaan mental mereka rendah.
 - C masih kurang kemudahan asas.
 - D sekolah teknik dan vokasional dibina di bandar.
- S34 Menteri Pengajian Tinggi Malaysia ialah
- A YB. Datuk Sharif Bin Salleh
 - B YB. Tan Sri Dr. Sharif Bin Salleh.

- C YB. Datuk Seri Khalid bin Nordin.
 D YB. Tan Sri Shafie Bin Salleh.
- S35 Antara matlamat Sekolah Bestari yang paling hampir dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan ialah
- A melahirkan masyarakat yang berpandangan jauh dan berpengetahuan dalam teknologi terkini.
 B menambah penyertaan ibu bapa, masyarakat, dan sektor swasta dalam pendidikan.
 C menggalakkan pembinaan diri dari segi jasmani, rohani, emosi, sosial dan intelektual.
 D memberikan peluang pembelajaran kepada pelajar.
- S36 Cara berikut dapat mempertingkatkan hubungan ibubapa dengan sekolah.
- I Menggalakkan ibubapa melibatkan diri dalam aktiviti luar sekolah.
 II Memasukkan semua nama ibubapa sebagai ahli jawatankuasa PIBG.
 III Mengedarkan buletin sekolah kepada semua murid.
 IV Membentuk *task force* yang termasuk wakil ibubapa untuk merancang dan melaksanakan program menarik dari semasa ke semasa.
- A I dan II sahaja.
 B I dan IV sahaja.
 C II dan IV sahaja.
 D I, II, III dan IV.
- S37 Salah satu daripada langkah yang diambil oleh kerajaan dan pihak swasta dalam bidang pendidikan ialah memberi biasiswa atau pinjaman kepada pelajar-pelajar yang layak. Langkah ini boleh dikaitkan dengan
- I perpaduan kaum atau masyarakat melalui pendidikan
 II pelaburan dalam pendidikan
 III dasar pendemokrasian pendidikan
 IV pendidikan massa
- A I, II dan III sahaja.
 B II dan III sahaja.
 C II, III dan IV sahaja.
 D I, II, III dan IV.
- S38 Kerjaya sebagai seorang guru mungkin menyebabkan seseorang guru itu kurang berinteraksi dengan masyarakat sekitarnya jika

- I guru melibatkan diri di dalam banyak aktiviti ko-kurikulum.
- II guru terlalu mementingkan pencapaian akademik pelajar-pelajarnya sahaja.
- III guru tidak memahami budaya masyarakat tempatan.
- IV guru terlalu lama berkhidmat di sesebuah sekolah.

- A I dan II sahaja.
- B II dan III sahaja.
- C II, III dan IV sahaja.
- D I, II, III dan IV.

S39 Mengikut kajian Tattum(1986), salah laku (*devian*) pelajar di dalam bilik darjah kerana

- I guru tidak memainkan peranan yang sepatutnya di dalam bilik darjah.
- II guru tidak menghormati murid-murid.
- III ketidakseragaman guru dalam penguatkuasaan peraturan.
- IV murid menyalahkan sistem sekolah.

- A I sahaja.
- B II dan IV sahaja.
- C I, II dan III sahaja.
- D I, II, III, dan IV.

S40 Rupa bentuk sistem pendidikan teknik dan vokasional dalam sistem pendidikan kebangsaan pada hari ini yang dipengaruhi oleh nilai-nilai masyarakat ialah

- I kegigihan guru.
- II pakaian seragam sekolah.
- III jadual belajar di rumah.
- IV makanan yang dijual di kantin.

- A I sahaja.
- B II dan IV sahaja.
- C I, II dan III sahaja.
- D I, II, III, dan IV.

(60 MARKAH)

BAHAGIAN B

- S1 (a) Apakah peranan sosiologi pendidikan dalam merealisasikan harapan negara ini.
(10 markah)
- (b) Jelaskan lima peranan yang sesuai dimainkan oleh seseorang guru dalam sistem persekolahan pendidikan teknik dan vokasional untuk menghasilkan pelajar yang seimbang dari segi akademik dan sahsiah.
(10 markah)
- S2 (a) Apakah ciri-ciri Sekolah Berkesan mengikut “Projek Kajian Keberkesanan Sekolah Connecticut” (Shoemaker, 1982)?
(6 markah)
- (b) Sekiranya anda telah dilantik sebagai pengetua sekolah menengah di sesebuah pekan luar bandar, huraikan empat usaha utama anda untuk menjadikan sekolah tersebut sebagai Sekolah Berkesan.
(14 markah)
- S3 Iklim organisasi di sesebuah sekolah berkait rapat dengan gaya kepimpinan guru besarnya. Menurut Haplin dan Croft (1963), terdapat enam jenis iklim organisasi sekolah yang lahir daripada interaksi tersebut.
- (a) Apakah kaitan gaya kepimpinan Guru Besar yang bercorak demokrasi dengan jenis iklim organisasi di sesebuah sekolah?
(8 markah)
- (b) Jelaskan perbezaan di antara Iklim Tertutup dan Iklim Terkawal dalam organisasi sesebuah sekolah.
(12 markah)
- S4 “Kes salahlaku sosial seperti membuli di kalangan pelajar sekolah agak meruncing kebelakangan ini, terutama yang melibatkan kecederaan fizikal”.
- Berdasarkan pernyataan di atas, bincangkan pengaruh agen sosialisasi dan kaitannya dengan salahlaku sosial yang sering berlaku di kalangan pelajar.
(20 markah)